

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]**

**TARIKH : 13.03.2019 (RABU)**

**SOALAN : 30**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana SPRM telah mengesan dan menjalankan pendakwaan amalan rasuah ke atas pegawai dan kakitangan Kerajaan dan agensi Kerajaan selepas PRU 14 dan berapa pula yang terlepas daripada tindakan kerana ketidakcukupan bukti untuk pendakwaan.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Berhormat,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Selepas Pilihan Raya ke-14, SPRM telah berjaya mendakwa banyak kes yang menjadi perhatian orang ramai ( kes "*high profile*") di mahkamah. Antara kes-kes tersebut adalah melibatkan Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Razak yang dihadapkan dengan 20 pertuduhan dalam kes SRC International dan 1MDB, Datuk Seri Zahid Hamidi yang dihadapkan dengan 47 pertuduhan kesalahan rasuah, pecah amanah dan penggubahan wang haram. Bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd Irwan Siregar bin Abdullah dihadapkan dengan 6 pertuduhan dalam kes-kes 1 MDB, Datuk Hasanah binti Abd Hamid, yang dituduh kerana pecah amanah wang kerajaan berjumlah 12 juta USD, Bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Aman dituduh dengan 51 kesalahan rasuah dan pertuduhan penggubahan wang haram. Manakala bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansur pula dituduh dengan 2 kesalahan kerana perbuatan rasuah. Selain dari itu terdapat juga beberapa kes lain yang masih dalam peringkat siasatan di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Keberkesanan tindakan SPRM ini adalah kerana disokong oleh kesungguhan kerajaan sekarang dalam membanteras rasuah disamping kebebasan yang diberikan kepada SPRM untuk melaksanakan tindakanya berdasarkan undang-undang.

Untuk makluman Ahli Dewan, banyak lagi siasatan yang sedang dijalankan dan akan dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara untuk keputusan.

Setakat ini tiada lagi kes-kes '*high profile*'(dengan izin) yang melibatkan pegawai-pegawai kerajaan yang terlepas dari tindakan SPRM kerana tindakan siasatan masih dijalankan.

Sekian, terima kasih.